

# Budayakan amalan kelestarian alam ketika Syawal

Oleh Prof Madya Dr Haliza Abdul Rahman  
bhrencana@bh.com.my

**Mencegah** pembaziran ketika perayaan, termasuk Aidilfitri menjadi tanggungjawab bersama. Malah, Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) turut menyarankan sambutan hari raya tahun ini dibuat lebih positif dengan membudayakan amalan kelestarian alam sekitar.

Ini menuntut umat Islam merancang penyediaan juadah untuk tetamu bagi mengelakkan pembaziran makanan dan peningkatan lambakan plastik sekali guna.

Pembaziran dan pembuangan makanan berpunca daripada pembelian berlebihan, persiapan makanan tidak teratur serta kur-

ang kesedaran terhadap nilai makanan itu sendiri. Sisa makanan bukan sahaja merujuk kepada apa dihasilkan apabila memasak atau selepas makan, tetapi sisa organik seperti buah dan sayur dibuang kerana tidak 'sempurna'.

Rekod menunjukkan rakyat Malaysia membuang 38,000 tan sisa domestik setiap hari sedangkan

4,080 tan daripada jumlah itu masih boleh dimakan. Jika kita mampu mengawal penghasilan makanan dan menyelamatkan makanan masih boleh dimakan, kita sudah selangkah mengatasi masalah individu kelaparan di negara ini.

## Elak plastik sekali guna

Penggunaan pembungkusan plastik sekali guna ketika menyediakan hidangan menyumbang juga kepada masalah pembaziran. Plastik sekali pakai antara bahan paling banyak digunakan ketika hari raya sedangkan ia paling merosakkan alam sekitar kerana mengambil masa antara 400 hingga 1000 tahun untuk terurai.

Kesan dibawa pembuangan plastik secara tidak teratur adalah amat menakutkan. Malaysia menghasilkan 0.94 juta tan sisa plastik terbuang dan lebih kurang 40 peratus terbuang ke lautan. Daripada keseluruhan sisa pepejal dihasilkan di negara ini, 13 peratus daripadanya ialah sisa plastik. Peningkatan lambakan sisa plastik ketika perayaan akan meningkatkan lagi statistik ini.

Justeru, demi mengelakkan sambutan hari raya dikaitkan pembaziran makanan dan peningkatan

plastik sekali buang, umat Islam perlu merancang pembelian dengan bijak seperti membuat senarai perbelanjaan terperinci berdasarkan keperluan sebenar, menetapkan bajet munasabah dengan jumlah wang dimiliki serta membeli barang dalam kuantiti sesuai dengan bilangan jangkakan tetamu.

Masyarakat juga perlu amal pengurusan sisa makanan yang bijak, termasuk menyimpannya untuk dimakan semula atau menggunakannya kembali untuk hidangan baharu, selain atau menyumbangkan makanan kepada mereka memerlukan.

Program sukarelawan tempatan atau organisasi amal boleh dijadikan saluran menyumbangkan makanan kepada golongan kurang bernasib baik.

Hakikatnya, kelestarian alam sekitar perlu diberi perhatian serius demi kepentingan sejagat. Masyarakat perlu mengubah gaya hidup kepada kehidupan lebih mesra alam agar kelestarian alam sekitar dapat dikekalkan. Segala keputusan berada di tangan kita, sama ada ingin berterusan mengamalkan budaya menjejaskan persekitaran dengan mengikut kehendak hati atau berubah dari segi pengetahuan, amalan dan sikap yang menjurus kepada kelestarian persekitaran.



Profesor Madya  
Institut Pengajian  
Sains Sosial,  
Universiti Putra  
Malaysia (UPM)